

Perspektif Jamaluddin al-Afghani Terhadap Sains Dan Kemodenan

Fadzlullah Shuib
CITU, UiTM Perak

I. Islam, Sains dan Modeniti abad ke 19 M

Landskap pemikiran umat Islam dan dunia Islam dalam sejarah intelektual abad ke 19 Masihi terutamanya pada fasa pertengahan abad itu hingga ke ambang abad ke 20 Masihi ditandai dengan tiga isu utama, iaitu: (i) kemunduran ummah, (ii) cabaran Barat, dan (iii) pembinaan semula ummah yang diistilahkan sebagai “*The Islamic Project of the 19th Century*”¹

Selain daripada tiga isu yang menghambat umat Islam tersebut, mulai abad 19 M kebangkitan intelektual Islam telah mencetuskan tiga fenomena perpecahan pemikiran atau *ikhtilaf* yang lebih kompleks sepertimana dirumuskan Ibrahim M. Abu Rabi’, (1996) dalam adikaryanya “*Intellectual Origins of Islamic Resurgence in the Modern Arab World.*” Ini tercatat seperti berikut: (i) berpecahbelahnya pandangan semesta Islam (*totalistic vision of Islam*) yang memperakui bahawa Islam dan pemerintahan tidak boleh dipisahkan, (ii) bangkitnya pelbagai aliran intelektual yang mencabar autoriti institusi ulama, dan (iii) terbentuknya politik kepartian dan cabang-cabangnya natijah daripada agenda tersembunyi kolonialisme.²

Respons Muslim terhadap cabaran kemodenan, khususnya perkembangan sains moden dan jaringan imperialisme Barat telah membentuk dua jaluran paradigma pemikiran Islam, (i) modernisme, dan (ii) tradisionalisme.³

Terminologi modernis atau tradisional yang dilebelkan kepada para pendokong kebangkitan Islam yang memberi respons terhadap imperialisme dan kemajuan sains dan teknologi Eropah hanyalah sebagai panduan kepada sesetengah para pengkaji. Konotasi tersebut tidak membawa pengertian yang tepat. Umpamanya Sayyid Ahmad Khan (1817-1898) yang dikenali sebagai reformis moden, walhal kecenderungannya kepada aliran fundamentalis Wahhabisme. Demikian juga Sheikh Muhammad Abduh (1849-1905) digelar sebagai ulama moden, tetapi pada hakikatnya beliau seorang pendokong konservatif dan tradisional.⁴

Sehubungan ini, Abd al-Qadir al-Maghribi (1948), salah seorang pengikut Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dalam bukunya *Jamal al-Din al-Afghani: Zikriyyat wa Ahadith*, menyatakan bahawa asas utama dan titik permulaan respons Muslim terhadap cabaran Barat dan kemodenan ialah kebangkitan golongan tradisional dan konservatif yang bangkit untuk mempertahankan dasar-dasar Islam yang diancam oleh imperialisme Barat dalam pelbagai dimensi kehidupan.⁵

Wawancara al-Maghribi dengan gurunya al-Afghani dirakamkan dan diulas dengan menarik oleh Sami Abdullah Kaloti (1974), dalam disertasi doktor falsafahnya sebagaimana berikut:

“Islamic reformist thought was determined by its traditionalist starting points. All the leading figures of the Islamic reform movement had in common an awareness of the need to overcome the intellectual and spiritual inertia of traditionalism, but the positive aspect of this awareness remained prescribed in both scope and relevance. Its first step was the transition from blind obedience to traditional interpretation into a new and freer approach.”⁶

Modernisme dalam konteks ini difahami secara keseluruhannya sebagai sikap yang positif terhadap kemajuan inovasi sains moden dan perubahan yang telah dicapai oleh peradaban Barat. Ia mewakili pendekatan yang pragmatik dan berpandangan luas. Ia juga sering difahami sebagai pendekatan yang berusaha mengharmonikan pemikiran tradisi dengan fahaman moden.⁷

Menurut Jacques Waardenburg (1996), kemodenan adalah kesan langsung modenisasi ke atas pemikiran manusia, baik keseluruhan keindividualannya mahupun kehidupan sosialnya. Selanjutnya beliau merumuskan:

“Modernization is the process of rational transformation of nature and society by man through the development of science and its application in technology.”⁸

Sebaliknya tradisionalisme pula merupakan sikap yang negatif terhadap segala pencapaian inovasi sains moden dan terhadap pihak Barat seluruhnya. Kreteria penting tradisionalisme ialah keadaan yang statik, pasif dan tindakbalas yang agresif terhadap ancaman luar dan gerakan pembaharuan. Para pendokongnya (*protagonists*) dilebelkan oleh kaum orientalis sebagai intelektual konservatif yang sentiasa berpandangan bahawa masa lalu lebih baik daripada masa depan. Cita-cita tradisional adalah untuk mengembalikan zaman keemasan (*Golden Age*) setelah mereka dikecewakan oleh fenomena kemunduran dan kelemahan masyarakat atau lingkungan mereka.⁹

Sehubungan ini, golongan pendokong reformisme atau gerakan kebangkitan Islam (*revivalist of Islamic movement*) yang walaupun didakwa atau dirujuk sebagai moden Islam, namun pada hakikatnya mereka adalah golongan pertengahan di antara puak pendokong tradisionalisme Islam dan para pendokong modenisme yang menyanjung dan menjunjung pembaratan (*westernisme*). Sungguh pun reformisme Islam memiliki pendekatan yang berbeza dan unik dari pelbagai aliran Islam, mereka tetap mempunyai matlamat yang sama dengan golongan tradisional iaitu untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan memelihara kemurnian dan keutuhan institusi-institusinya.¹⁰

Hisham Sharabi, Rashid Rida, Malek ben Nabi, Muhammad Basha al-Makhzumi, ‘Uthman Amin, Mahmud Abu Rayyah, Ahmad Amin, Charles C. Adams, Wilfred

Cantwell Smith, Zaki Badawi dan Fathi Uthman memperakui Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh serta para pengikut mereka mempunyai pekej yang sempurna untuk dinobatkan sebagai pencetus reformisme Islam dan memulakan gerakan kebangkitan Islam (*nahdah*) yang menggabungkan pendekatan tradisionalisme dan modenisme atau sering diungkapkan pendekatan mereka sebagai “*to internal reform and external defense*,” iaitu memperbaiki dan membangkitkan ummah serta mempertahankan Islam daripada gugatan dan ancaman imperialisme Barat.¹¹

Dua matlamat utama ideologi reformisme atau revivalisme al-Afghani dan para pendokong gerakannya boleh disimpulkan seperti berikut; (i) menggerakkan usaha ke arah pengembalian semula kedaulatan Islam sebagaimana yang telah dicapai pada zaman Nabi Muhammad SAW dan zaman keemasan Islam, dan (ii) memperkasakan usaha ke arah kebangkitan semula ummah untuk kembali kepada ketulenan ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Empat rangka kerja atau program yang diterjemahkan oleh al-Afghani dan Muhammad Abduh serta menjadi mekanisme untuk mencapai dua matlamat tadi ialah:

- i. Membebaskan pemikiran daripada *taqlid* buta (*imitative reasoning*) serta membuka semula pintu *ijtihad* (*independent reasoning*). Pendekatan ini telah membuka gelanggang pertentangan golongan pendokong reformisme dengan golongan tradisional konservatif yang berpaksikan dokongan terhadap dogma-dogma agama secara statik atau *jumud*.
- ii. Mengembalikan semula kefahaman terhadap Islam berasaskan kefahaman golongan Islam terawal yang bermula dengan tafsiran Islam Nabi Muhammad SAW, Khulafa` al-Rasyidin dan tafsiran masyarakat zaman keemasan Islam. Golongan ini disebut sebagai Salafiyah. Pendekatan tahap kedua ini telah mengundang kontroversi dan polemik dengan golongan pendokong mazhab-mazhab Islam tradisionalisme dan konservatisme.
- iii. Memperkukuhkan semula autoriti al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber tertinggi Islam, tidak lagi autoriti tersebut terikat dengan aliran-aliran tertentu atau dibelenggu oleh hierarki golongan agama tertentu
- iv. Membentuk dan memperkukuhkan kriteria-kriteria khusus pentafsiran Islam melalui percambahan ruh *ijtihad* supaya Islam terus menerus menjadi relevan dengan persoalan-persoalan kontemporari yang dihadapi oleh ummah.¹² Keperluan ummah Islam kepada *ijtihad* adalah dalam rangka untuk mencapai kemajuan. Kejayaan gerakan reformisme Martin Luther telah memberi sumbangan yang bermakna kepada kemajuan dan ketrampilan Eropah dan tamadun Barat. Justeru itu, *ijtihad* baru yang berasaskan metodologi Islam tulen dalam mendepani cabaran-cabaran semasa akan membantu memperkasakan ummah dan melestarikan jalan ke arah kebangkitan dan kemajuan ummah Islam. Sehubungan ini, Zaki Badawi dalam “*The Reformers of Egypt*” menjelaskan objektif *ijtihad* baru

al-Afghani: "The call for new *ijtihad* and for striving towards perfection meant that the community must discard its lethargy and take part in the struggle for progress. A Muslim reformation was, in his view, necessary for achieving this. He often mentioned Luther and attributed to his movement the success of Europe and felt that a similar reformation would rejuvenate Islam and set the ummah on the road to progress".¹³

Dalam konteks mempertahankan Islam daripada ancaman imperialisme Barat atau *external defence*, pendokong reformisme Islam yang dijuarai oleh al-Afghani bukan sekadar menggerakkan usaha penyebaran dan pendakwaan Islam melalui tulisan dan ucapan, tetapi yang paling berkesan ialah aktiviti politik pan-Islamisme yang berpengaruh di dunia Islam dan di dunia Barat sekaligus. Sylvia Haim mengungkap persoalan ini sebagaimana berikut:

"...rightly argues, both the activities and the teaching of al-Afghani contributed to the spread of revolutionary temper and a new attitude toward politics all over the Muslim world."¹⁴

Pemerhatian Nikki R. Keddie (1963) dalam "*An Islamic Response to Imperialism: Political and Religious Writings of Sayyid Jamal ad-Din 'al-Afghani'*" ternyata amat tersasar dan mengelirukan yang menyatakan gerakan reformisme al-Afghani lebih banyak menghabiskan masa dengan aktiviti politik daripada memberikan penumpuan kepada usaha *islah* atau pembangunan dalaman ummat Islam (*religious reform*). Demikian juga Albert Hourani (1987:112) menyatakan al-Afghani lebih menampilkan diri sebagai pemidato awam yang berkarisma daripada berperanan sebagai pemikir politik yang licik. Justeru itu, Hourani menambah, al-Afghani lebih banyak bercakap daripada menulis. Malah, Azyumardi Azra dan Bassam Tibi menolak hujah-hujah Keddie dan Hourani dengan merumuskan bahawa seluruh aktiviti gerakan reformisme dan revivalisme al-Afghani bermatlamat untuk menggerakkan, membangkitkan dan menyatukan seluruh umat Islam menentang dan melenyapkan seluruh jaringan penjajahan Barat ke atas ummat Islam dan mendaulatkan Islam sebagai kuasa baru dunia yang mampu mengimbangi kekuatan Tamadun Barat. Tibi menyatakan dalam konteks ini, bahawa seluruh aktiviti al-Afghani adalah berada dalam satu rencana tindakan yang bersepadu:

"...they are an appeal to the Muslims, as the object of colonialism, in an attempt to mobilize them against European colonial rule..."¹⁵

Idea atau gagasan Pan-Islamisme merupakan intipati terpenting gerakan reformisme yang dicetuskan oleh al-Afghani. Menurut Sylvia Haim, Pan-Islamisme merupakan intipati projek politik al-Afghani. Ia juga bertujuan untuk menyatukan seluruh wilayah Islam dibawah kepimpinan yang tunggal. Dalam masa yang sama idea dan gagasan Pan-Islamisme al-Afghani menampakkan kemajuan dan sokongan ummat Islam. Lebih-lebih lagi apabila beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan 'Abd al-Hamid II Uthmaniyyah pada fasa terakhir kehidupannya. Pan-Islamisme dalam konteks ini ialah kesatuan Khilafah Islam dibawah Empayar

Uthmaniyyah di Turki. Menurut Dwight E.Lee, Ignaz Goldziher dan Jacob M.Landau, Al-Afghani merupakan pengasas dan pencetus gagasan Pan-Islamisme. Menurut Jacob pula, lawatan, permastautinan dan aktiviti politik al-Afghani ke sebahagian besar dunia Islam dan Eropah meliputi Iran , Iraq, Afghanistan, India, Turki, Mesir, Hijaz, Perancis, England, Russia dan German telah menjayakan gagasan Pan-Islamisme dan membawa kebangkitan dan kesedaran ummat Islam untuk meneruskan gagasan tersebut.¹⁶

Respons Muslim terhadap sains dalam konteks gerakan reformisme dan revivalisme Islam dapat dilihat dalam idea-idea utama al-Afghani yang bersandarkan tradisi Islam yang diperkukuhkan oleh sumbangan para failasufnya. Dalam adikaryanya, "*Refutation of the Materialists*", al-Afghani merumuskan tiga premis pemikiran yang mencetuskan sikap positif Islam terhadap sains. Ini termasuklah:

- i. Ia bermula dan diasaskan sejak zaman nabi Muhammad SAW dan para Khulafa` al-Rasyidin. Ummat Islam pada era tersebut mencapai kejayaan yang gemilang dalam peperangan dan pemerintahan hasil penguasaan mereka dalam bidang sains dan teknologi ketenteraan mengatasi empayar Rom dan Parsi.
- ii. Pentafsiran para ilmuwan dan failasuf Islam terhadap fakta-fakta saintifik yang ada didalam al-Quran telah memperkukuhkan sikap positif Islam terhadap sains.
- iii. Ditambah lagi dengan idea utama al-Afghani tentang pembukaan ijtihad baru telah menyemarakkan lagi gerakan reformisme dan revivalisme Islam yang turut mengagendakan gagasan "*Sains Islam*".¹⁷

Muhammad Basha al-Makhzumi dalam *Khatirat* telah merungkaikan keyakinan sebenar al-Afghani tentang persoalan Islam dan Sains. Al-Afghani menegaskan Islam sama sekali tidak pernah dan tidak akan bercanggah dengan sains. Bagi al-Afghani, peraturan-hukum fizik, geometri dan hujah-hujah falsafah adalah berdiri di atas kebenaran. Semua itu tidak akan bercanggah dengan Islam selagi ia berasaskan pendalilan dan pembuktian. Kaloti memetik rumusan al-Makhzumi sebagaimana berikut:

"Al-Afghani's belief in Islam as a world religion, catering to the needs of all people in all climes and all ages, leads him to declare that Islam cannot, must not, and does not contradict science and scientific truths. To him, the laws of physics, the formulas of geometry and the arguments of philosophy are self-evident and axiomatic truths, and they can in no way contradict Islam, which is based on proof and reason."¹⁸

Al-Afghani telah membahaskan konsep sains dalam pelbagai ucapan dan tulisannya. Dalam salah satu ucapannya pada 8 November 1882 di Albert Hall, Calcutta, India yang berjudul, "*Lecture on Teaching and Learning*," beliau melihat lapangan sains merangkumi pelbagai cabang ilmu pengetahuan yang melakukan pemerhatian terhadap fakta-fakta atau fenomena-fenomena serta hubungkait di antara fakta-fakta

itu. Bagi Al-Afghani, cabang-cabang sains meliputi astronomi, kimia, fizik, matematik, geologi dan sebagainya. Jelas di sini, betapa pengetahuan beliau tentang sains moden amat terkehadapan, walhal istilah sains baru sahaja dirumuskan oleh William Whewell (1794-1866) pada tahun 1833 di Eropah. Malah, al-Afghani telah merumuskan konsep kesejagatan sains dengan menolak pemisahan sains Muslim dengan sains Eropah dengan alasan sains tidak dimiliki oleh sesuatu bangsa atau sesebuah negara. Katanya;

“The strange thing of all is that our ulama these days have divided science into two parts. One they call Muslim science, and one European science. Because of this they forbid others to teach some of the useful sciences. They have not understood that science is that noble thing that has no connection with any nation, and is not distinguished by any thing but itself. Rather, everything that known is known by science, and every nation that becomes renowned becomes renowned through science. Men must be related to science, not science to men.

How very strange it is that the Muslims study those sciences that are ascribed to Aristotle with the greatest delight, as if Aristotle were one of the pillars of the Muslims. However, if the discussion relates to Galileo, Newton, and Kepler, they consider them infidels. The father and mother of science is proof and proof is neither Aristotle nor Galileo. The truth is where there is proof, and those who forbid science and knowledge in the belief that they are safeguarding the Islamic religions are really the enemies of that religion. The Islamic religion is the closest of religions to science and knowledge, and the foundation of Islamic faith.”¹⁹

Dalam konteks gerakan reformisme Islam, Al-Afghani menganggap sains amat perlu untuk membangunkan dan memajukan umat Islam. Tanpanya kaum Muslimin tidak akan berupaya bersaing dengan Barat. Sehubungan ini Charles E. Butterworth dalam tulisannya “*Prudence Versus Legitimacy: The Persistent Theme in Islamic Political Thought*,” merumuskan asas pemikiran terpenting Al-Afghani dalam gerakan reformisme Islamnya yang bertemakan sains dan hubungannya dengan kebangkitan ummat Islam seperti berikut:

*“The basic premise of Afghani’s teaching is that science is useful to human being in numerous ways. Science alone gives man greater control over the universe and allows him to improve his material life. It thus stands to reason that human beings should strive to master the sciences.”*²⁰

Dalam ucapan Al-Afghani yang menjelaskan kedudukan dan peranan sains dalam konteks kebangkitan ummat Islam, ketika perasmian Universiti Sains ‘Darul Funun’ di Istanbul, Turki, 20 Februari 1870, beliau berkata:

“My brothers! Open the eyes of perfection and look in order to learn a lesson. Arise from sleep of neglect. Know that the Islamic people (milla) were (once) the strongest in rank, the most valuable in worth. They were very high in

intelligence, comprehension, and prudence. They faced up to the most difficult things with respect to work and endeavor. Later this people sank into ease and laziness. It remained in the corners of the madrasas and the dervish convents; to such a degree that the lights of virtue were on the point of being extinguished; the banners of education were about to disappear. The suns of prosperity and the full moon of perfection began to wane. Some of the Islamic nations came under the dominations of other nations. The clothes of abasement were put on them. The glorious milla was humiliated. All these things happened from lack of vigilance, laziness, working too little and stupidity....

....As far as us, let us learn all branches of science. Let us mount the ladder of humanity. Let us free ourselves from ignorance and animal qualities....

...Let us not lose the glory of past and the rights of future generations.

...We must go to the path leading to the stages of wisdom. Let us endeavour to raise the honour of the milla.

My brothers! are we not going to take an example from the civilized nation? Let us cast a glance at the achievements of others. By effort they have achieved the final degree of knowledge and the peak of elevation....”²¹

Pidato Al-Afghani yang bernas dan penuh retorik tentang kedudukan dan peranan sains untuk membangunkan ummat Islam itu telah mendapat respons yang hangat daripada para pendokong penubuhan Dar ul-Funun. Rentetan dengan itu, Tahsin, Pengarah universiti Islam itu telah menganjurkan kuliah bersiri sepanjang bulan disember 1870 bersamaan bulan ramadhan 1278 Hijrah. Sayyid Jamal al-Din al-Afghani telah dijemput menyampaikan kuliah tersebut yang bertajuk “*The Progress of Sciences and Arts*”. Kuliah tersebut telah disampaikan dalam bahasa Turki.²²

Idea reformisme Islam Al-Afghani melalui kebangkitan ummat Islam menguasai sains mendapat sokongan daripada golongan muda Muslim yang berpendidikan Barat yang dikenali di Turki sebagai ‘*The Young Ottomans*’ seperti Tahsin (Pengarah Darul Funun) dan Tahir Munif (Presiden Majlis Pendidikan Turki). Kedua-duanya adalah graduan pengajian sains di Jerman dan kedua-duanya bercita-cita untuk mendirikan pusat pengajian sains (*the house of sciences*). Kedatangan Al-Afghani ke Istanbul telah memperkukuhkan hasrat kedua-dua sahabat itu untuk menggabungkan kemajuan sains dan teknologi moden yang mereka ketahui dengan kemahiran Al-Afghani dalam selok belok pelbagai bidang sains Arab yang diwarisi daripada period pertengahan Islam (*medieval Islam*). Idea penubuhan Universiti Sains Islam Darul Funun merupakan respons ulama dan Al-Afghani sendiri terhadap keperluan ummah menguasai sains dalam pelbagai cabangnya.²³

II. Fenomena Pertembungan Pemikiran Islam dan Barat abad ke 19 M

Gambaran yang menonjol dalam sketsa pemikiran Islam abad ke 19 Masihi ialah kebangkitan semula Islam setelah melalui fasa-fasa kemelesetan, konflik dalaman, serangan pihak luar, lebih-lebih lagi cabaran imperialisme Barat dalam pelbagai

dimensinya. Kebangkitan semula Islam itu diakari oleh gerakan fundamentalisme dan tradisionalisme yang berusaha untuk kembali semula kepada dasar dan prinsip Islam yang asal yang telah dimulakan dan diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW pada abad ke 7 M = 1 H. William Montgomery Watt dalam "*Muslim-Christian Encounters*" cuba menggarapkan tentang fenomena ini dan situasi yang sama juga turut berlaku dalam babak pemikiran Kristian Barat. Menurutnya:

"An important feature of the last two decades has been the Islamic resurgence. Though it resembles Christian renewal movements, it has also distinctive marks, and so the term 'resurgence' may be retained. It is also characterized by fundamentalism, or, as I would prefer to say, traditionalism, since Islamic fundamentalism is not identical with Christian fundamentalism, which is a mainly Protestant phenomenon;"²⁴

Penjelasan Watt itu pernah dihujahkan oleh Khaldun S.al-Husry (1966: 117-119) yang menggunakan istilah kebangkitan atau reformasi keagamaan mewarnai kebangkitan semula Islam abad ke 19 M. Sehubungan ini reformasi keagamaan ialah satu percubaan untuk menonjolkan Islam sebagai gerakan ideologi yang berusaha menyelesaikan masalah dalaman umat Islam, sebagaimana yang dilakukan oleh Al-Afghani yang menemui gagasan Pan-Islamisme untuk mengeluarkan umat Islam daripada belenggu kemelesetan fizikal dan ketenteraan apabila berdepan dengan ketrampilan Tamadun Barat. Dengan kata-kata lain kebangkitan semula kesedaran keagamaan ialah mengembalikan kondisi ummah kepada situasi ketulenan dan keunggulan Islam era kegemilangan awalnya.²⁵

Bagi Ali E.Hillal Dessouki (1982; 4-5), kebangkitan semula Islam, dalam konteks ini ialah suatu fenomena kebangkitan kegiatan politik dengan mengaitkannya dengan nama Islam sebagai respons terhadap pelbagai jaringan imperialisme Barat. Kebangkitan itu juga telah menjadi kecenderungan untuk menghadapi persepsi pihak Barat yang mensensasikan kebangkitan Islam dengan konotasi yang negatif, prejudis dan bersifat stigma persepsi Barat terhadap Islam. Selanjutnya kebangkitan Islam dalam bentuk gerakan dan organisasi telah menjadi tabiat dan hakikat yang dicetuskan oleh ajaran Islam dan telah menjadi tuntutan kemasyarakatan Islam. Menurut Dessouki lagi, gejala kebangkitan Islam adalah diakibatkan oleh tuduhan dan tohmahan yang sering dilemparkan oleh Barat bahawa gerakan Islam adalah pelampau agama atau ekstremis, bersikap dogmatic dan anti kemodenan. Justeru itu pergerakan kebangkitan Islam berusaha menafikan tohmahan-tohmahan itu dengan menampilkan imej baru untuk memertabatkan citra Islam.²⁶ Dalam konteks pertembungan dunia Islam dengan Barat ini, Mohammed Arkoun menyatakan gerakan pemikiran Islam telah menampilkan pernyataan dan manifestasi idea baru (*new expressions*) sebagai respons terhadap modenisme yang dicetuskan oleh Barat.²⁷ Apa yang dimaksudkan dengan '*new expressions*' dalam konteks ini dijelaskan oleh Muhammad 'Ammarah (1984;107), iaitu pendekatan yang menggabungkan tradisionalisme dan modenisme telah direalisasikan oleh Al-Afghani dan Muhammad Abduh sehingga pendekatan reformisme dan revivalisme Islam mereka diidentitikan sebagai "*New Tradisionalisme*". Sehubungan ini 'Ammarah memetik pernyataan Al-

Afghani yang menegaskan bahawa kaum Muslimin boleh mengasimilasikan sains dan teknologi Barat, tetapi falsafah dan ideologinya mesti berpaksikan Islam dan legasi peradabannya.²⁸

Sebagai pelopor “*New Traditionalist*”, Al-Afghani menampilkan tesis dan gagasan menolak tradisionalisme yang mutlak (*pure traditionalism*) dan beliau juga menolak pendokong dan pemuja ideologi Barat atau ‘Westernisme’ (*pure Westernism*). Kaloti mengemukakan analoginya;

*“As the first ‘New Traditionalist’ whose influence spread beyond the borders of a single Muslim country, Al-Afghani is in some sense the parent of various later trends that reject both pure traditionalism and pure Westernism.”*²⁹

Keupayaan Al-Afghani membuahkan pendekatan reformisme Islam ‘*New Tradisionalist*’ yang memberi aspirasi kepada gerakan-gerakan Islam pada abad ke 20 M diseluruh dunia Islam adalah disebabkan penguasaannya yang luas ke atas budaya ilmu Barat dan pengetahuannya yang mendalam tentang khazanah tradisi keilmuan Islam. Charles E. Butterworth dipetik sebagai berkata;

*“Al-Afghani having broad knowledge of Western culture and deep comprehension of Islamic traditions, thus was the first man to notice with his clear sight and intelligent realism, the dangerous of Westerns in the Eastern lands.”*³⁰

Menurut Ibrahim M. Abu-Rabi’, secara keseluruhannya terdapat tiga konsep utama reformisme dan revivalisme Islam sebagai respons Muslim terhadap modeniti sejak abad ke 19 M sehingga kini: (1) *Nahdah (renaissance)*, (2) *Thawrah (revolution)*, (3) ‘*Awdah* (kembali kepada prinsip/fundamentalisme).

Ketiga-tiga gagasan ini berkongsi tiga sasaran utama, iaitu;

- i. mengembalikan dan membangkitkan pemikiran ummat Islam untuk meneruskan tradisi Islam yang murni tanpa merujuk kepada dasar-dasar Barat,
- ii. membebaskan ekonomi dan politik negara Islam daripada didominasi oleh kuasa Barat, dan
- iii. menterjemahkan Islam sebagai ideologi yang bangkit menggalas tanggungjawab membawa panji kepulauan (*‘awdah*) kepada prinsip Islam yang sejati dan hakiki.³¹

Pendekatan reformisme Al-Afghani sebagai respons terhadap cabaran modernisme Barat memiliki signifikansi yang tersendiri. Antara lain beliau membuat percubaan dengan penuh dedikasi menyokong para pemimpin, ulama dan intelektual Islam melaksanakan *islah* dan reformasi Islam. Kenyataan ini boleh dibuktikan ketika Al-Afghani memainkan peranan yang besar meniupkan semangat revivalisme Islam di Mesir selama lapan tahun (1871-1879), mengutarakan gagasan Pan-Islamismenya di Turki bersama Sultan Abdul Hamid II empayar Uthmaniyyah, menyebarkan

kebangkitan Islam melalui majalah *al-'Urwat al-Wuthqa* yang dilancarkan di kota Paris, menjadi pelopor kebangkitan revolusi Islam di Iran dan banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh dipaparkan.³²

Kekuatan reformisme Al-Afghani ditentukan juga oleh sikap toleransi dan akomodatifnya terhadap sains dan teknologi Barat yang dipercayainya telah menjadi mekanisme kebangkitan peradaban Barat. Justeru itu, Al-Afghani menekankan bahawa Islam tidak pernah memusuhi sains. Malah para saintis dan failasuf Islam mendapat penghormatan dan naungan politik sepenuhnya dalam polisi sains sebahagian besar para pemerintah Islam seperti yang dibuktikan di Andalus, Baghdad, Mesir, India dan Qayrawan.³³

Peradaban dan pemikiran Barat pada abad ke 19 Masihi adalah kesinambungan daripada kejayaan Revolusi Perancis atau Revolusi Industri 1789. Menurut John L. Beatty dan Oliver A. Johnson dalam "*Heritage of Western Civilization*", abad ke 19 M merupakan klimaks ketrampilan peradaban Eropah bersandarkan beberapa faktor. Antaranya:

- i. Eropah memiliki kekuatan kuasa militer,
- ii. ia menjadi pusat ekonomi dunia,
- iii. bangsa Eropah memiliki sifat progresif, dan
- iv. Eropah menjadi pusat pemikiran, kebudayaan dan peradaban dunia.³⁴

Bertitik tolak daripada premis tersebut Eropah atau Barat telah muncul sebagai kuasa imperialis dunia disebabkan imperialisme merupakan ideologi yang muncul secara berkembar dengan positivisme, rasionalisme, saintisme dan humanisme yang mewarnai pemikiran manusia Barat. Beatty dan Johnson cuba melakarkan pemikiran Eropah abad ke 19 M sebagaimana berikut:

*"Perhaps the most pervasive 'ism' of nineteenth-century society was optimism. With few exceptions the intellectual leaders of the period were firm believers in progress.....
Such hopes plus, unfortunately, others less lofty led to still another characteristic nineteenth-century 'ism': imperialism."*³⁵

Sehubungan ini W. Montgomery Watt dalam "*Islam and Christianity Today: A Contribution to Dialogue*," mengaitkan kemajuan Eropah dari aspek kebendaan dan ideologi yang diperkukuhkan dengan pencapaian sains dan teknologi telah menebarkan jaringan imperialismenya. Situasi ini telah mencetuskan pelbagai bentuk respons daripada masyarakat bukan Barat khususnya masyarakat Islam. Salah satu jaluran menonjol yang muncul memberi respons terhadap imperialisme Barat ialah golongan intelektual Islam yang bukan sahaja pernah menguasai pengajian ilmu tradisi Islam, tetapi mereka juga turut terdedah dan terbabit dibarisan hadapan berdepan dengan gejala imperialisme Barat. Demikianlah pengalaman Al-Afghani dan pengikutnya Muhammad Abduh yang bukan sahaja memahani pemikiran dan tamadun Barat secara intelektual tetapi mereka pernah berada di dunia Barat secara

fizikal bertembung secara bersemuka dengan intelektual Barat dan jaringan penguasa mereka di Paris, England, Rusia dan German.³⁶

Selain fenomena kemajuan kebendaan, pencapaian sains dan teknologi serta ideologi imperialisme, abad ke 19 Masihi juga menurut Franklin L. Baumer, Henry D. Aiken dan John Theodore Merz menampilkan ideologi pemikiran yang dikenal sebagai “*New Enlightenment*” (Pencerahan Baru). Ia merupakan kesinambungan era renaisans abad ke 15 M, yang diikuti dengan revolusi sains dan era pencerahan (*The Enlightenment*) Eropah abad ke 18 M. Abad ke 19 M juga menampilkan Auguste Comte (1798-1857) sebagai bapa aliran positivisme. Menurut penjelasan Baumer positivisme adalah faham yang memuja saintisme;

*“This maxim, stated in the second ‘lesson’ of Comte’s positive philosophy might serve as the motto of the New Enlightenment, particularly in French and England, but increasingly, as time went on, in Germany too. According to Comte’s maxim, action depends on science, and science is fundamentally concerned with prevision or prediction..... Scientism means, not merely the growth of science itself, but the attempt, in marked contrast to the romantic disposition, to answer all questions scientifically, to turn everything possible into a science, including in some respects even the humanities, and to apply the principles of science to the world action..... Similarly, there was to be a new ‘religion of science’ (Ernest Renan). ...”*³⁷

Untuk melihat dengan jelas wujudnya pertembungan di antara pemikiran Islam dan pemikiran Barat pada abad ke 19 M bukan sahaja perlu dirujuk fenomena kebangkitan reformisme dan revivalisme Islam sebagai respons ke atas imperialisme Barat, tetapi juga perlu dilihat fenomena corak pemikiran Eropah yang mempengaruhi pembentukan intelektualisme pendokong Kristianiti. Menurut Sharabi dua gagasan pemikiran Eropah yang mewarnai *New Enlightenment* abad ke 19 M ialah:

- i. pendokong rasionalisme dan liberalisme dalam tradisi era pencerahan itu yang melanjutkan gelombang revolusi Perancis abad ke 18 M,
- ii. pendokong aliran positivisme dan liberalisme yang menyokong teori sosial Darwinisme.³⁸

Gelombang pencerahan memberi kesan yang amat besar ke atas corak pemikiran golongan terpelajar Kristian. Dalam konteks percambahan arus pemikiran pencerahan yang mempopularkan aliran positivisme dan liberalisme telah muncul tiga tokoh intelektual Perancis yang memainkan peranan utama dalam konteks ini. Mereka ialah August Comte, Ernest Renan dan Gustave Le Bon. Dikalangan mereka bertiga, Ernest Renan tampil sebagai tokoh terpenting dalam konteks pertembungan pemikiran Islam dan Barat. Ini disebabkan beliau mempunyai posisi yang dominan dalam kebangkitan intelektual Perancis. Lebih-lebih lagi beliau sering mencetuskan teori-teori tersendiri berkenaan Islam dan Kristian. Selanjutnya, kebanyakan intelektual Kristian amat mengaguminya lantaran reputasinya yang tinggi dalam bidang sejarah keagamaan meliputi tiga agama samawi; Islam, Kristian dan Yahudi. Petikan daripada mukadimah

bukunya,"*The Future of Science: Ideas of 1848*," memberi gambaran yang jelas tentang perhatian beratnya ke atas isu-isu falsafah, sejarah, pemikiran dan keagamaan;

*"The year 1848 made an exceedingly keen impression upon me.....A paper on my study of Greek in the Middle Ages which I had begun in answer to a question of l'Academie des Inscriptions et Belles Lettres had engrossed all my thoughts.....I felt the need of summing up in a volume the new faith which with me had replaced shattered Catholicism.....About the time I wrote those lines, M. Victor Le Clerc bethought himself to have me, in conjunction with my friend Charles Daremberg, entrusted with various researches in the public libraries of Italy in connection with the literary history of France and a thesis I had begun on Averroism."*³⁹

III. Respons Sayyid Jamal al-Din al-Afghani terhadap Ernest Renan: Kes Kajian Pertembungan (*encounters*) Islam dan Barat abad ke 19 M

Respons Al-Afghani terhadap Ernest Renan 1883, memerlukan analisis yang komprehensif dalam konteks hubungan Islam dan Barat pada abad ke 19 M hasil daripada episod sejarah yang panjang. Ia juga membawa impak besar hubungan kedua-dua peradaban besar itu hingga ke abad ke 21 M. Adakah hubungan tersebut suatu pertentangan, konflik atau konfrontasi? Atau hubungan itu merupakan suatu interaksi peradaban yang positif serta memerlukan suatu rangkaian dialog peradaban yang membawa natijah keamanan dan permuafakatan global. Al-Afghani-Renan telah dipertemukan di kota Paris bagi merungkai kekusutan yang berkecamuk di antara kedua-dua peradaban, Islam dan Barat yang berlatarbelangkan kedua-dua agama Samawi terbesar dunia iaitu Islam-Kristian.

Menurut Ahmad Amin (1979;92-95), Muhammad Al-Bahi (1960;86), Albert Hourani (1987;110,120-123), Mustafa 'Abd al-Raziq (1983;23-24) Elie Kedourie (1966;41-45), Mahmud Abu Rayyah (1966;128-132) dan Keddie R. Nikki (1968;84-97), peristiwa terpenting yang dilalui oleh Al-Afghani ketika berada di Paris ialah pertemuan atau polemik beliau dengan failasuf tersohor Peranchis, Ernest Renan. Kedua-duanya saling menghormati dan mereka menyertai perbincangan tentang Islam dan Arab serta sikap agama dan bangsa tersebut terhadap falsafah, sains dan teknologi moden. Medan polemik mereka ialah Majalah terkemuka Peranchis *Journal Les Debats*.⁴⁰

Kontroversi Al-Afghani-Renan bermula apabila Renan menyampaikan ucapan di Sorbonne, Paris dan kuliahnya tentang '*Islam dan Sains*' telah diterbitkan oleh Majalah *Journal Des Debats* pada 29 Mach 1883. Selanjutnya respons Al-Afghani terhadap ucapan Renan itu diterbitkan oleh majalah yang sama pada 18 Mei 1883. Bagi Ahmad Amin terdapat tiga isu utama yang dibangkitkan Renan, antaranya:

- i. Bangsa Arab tidak pernah memberi sumbangan kepada pencapaian sains dan teknologi. Malah ketika golongan Arab menguasai pemerintahan, sains dan peradabannya dikuasai oleh bangsa Parsi. Pelbagai bidang falsafah dan sains pula dikuasai oleh golongan Kristian Nestorian. Para failasuf

- terkemuka seperti Ibn Sina, al-Farabi dan Ibn Rusyd bukan dari kalangan Arab.
- ii. Renan mendakwa bahawa Islam memusuhi sains, falsafah dan pemikiran bebas. Apa yang diutamakan oleh Islam ialah mengenai perkara-perkara ghaib dan keimanan kepada *qadha`* dan *qadar*.
 - iii. Elemen Arab itu sendiri didakwa menjauhkan akal daripada falsafah. Renan menyatakan zaman Khulafa` al-Rasyidin yang diselubungi unsur Arab telah gagal menampilkan perbincangan falsafah dan inovasi sains. Selanjutnya apabila elemen Parsi yang didominasi oleh Kerajaan Abbasiyah yang menumbangkan Bani Umayyah sebelumnya, barulah falsafah, sains dan ketamadunan menyerlah di dunia Islam.⁴¹

Sehubungan ini, Nikki R. Keddie mengulas sebahagian ucapan Renan yang bertajuk '*Islam dan Sains*' sebagaimana berikut:

“Renan in his lecture had stated that early Islam and the Arabs who professed it were hostile to the scientific and philosophic spirit, and that science and philosophy had only entered the Islamic world from non-Arab sources. The science and philosophy that are often called Arab are really Greek or Persian. Only one of the great Islamic philosophers was an Arab by birth, and to call their philosophy Arab, just because they wrote in Arabic, makes no more sense than to call medieval European philosophy Latin.”

Selanjutnya Keddie merumuskan bahawa terdapat dua isu pokok yang terkandung dalam ucapan Renan, iaitu:

- i. Unsur perkauman; Bangsa Arab dari segi asal usul dan pembawaannya sememangnya memusuhi sains dan falsafah. Kemajuan sains dan falsafah di dunia Islam adalah hasil sumbangan golongan bukan Arab.
- ii. Secara dasarnya Islam adalah agama yang memusuhi sains. Permusuhan itu begitu ketara apabila bangsa Arab memerintah empayar Islam. Sikap yang sama dijejaki oleh bangsa Turki.⁴²

Penjelasan Albert Hourani tentang ucapan Renan itu lebih terperinci lagi, katanya:

